



**SETIAUSAHA** Politik Perdana Menteri, Megat Junid Megat Ayub (memakai tanda nama) berucap kepada ahli-ahli Umno yang berhimpun di pekarangan kediaman rasmi Perdana Menteri di Kuala Lumpur, semalam menjelaskan keputusan pertemuan wakil-wakil

mereka dengan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Turut kelihatan ialah Setiausaha Perhubungan Umno Selangor, Encik Onn Haji Ismail (di kanan Megat Junid) dan ahli Parlimen Tanjung Karang, Datin Paduka Zaleha Ismail.

**KUALA LUMPUR, Rabu** — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengarahkan Badan Perhubungan Umno Selangor supaya menyasat rasa tidak puas hati ahli-ahli Umno dalam Bahagian Tanjung Karang mengenai perjalanan mesyuarat agung cawangan-cawangan mereka.

Badan Perhubungan itu diberi tempoh seminggu untuk mengemukakan laporan siasatan itu kepada Majlis Tertinggi Umno bagi membolehkan langkah-langkah mengatasi masalah mereka diambil.

Kira-kira 500 ahli cawangan-cawangan dalam bahagian itu berhimpun secara aman di pekarangan Seri Perdana — kediaman rasmi Perdana Menteri, di sini untuk mengemukakan bantahan dan rasa tidak puas hati terhadap pucuk pimpinan Umno Bahagian Tanjung Karang yang diketuai oleh Datuk Haji Kamaruzaman Ahmad.

Mereka mendakwa Jawatankuasa Umno Bahagian itu tidak mematuhi Perlembagaan parti dalam mengendalikannya mesyuarat agung tahunan cawangan-cawangan.

Kumpulan itu membantah tindakan jawatankuasa Umno Cawangan Pekan Tanjung Karang yang diketuai oleh Datuk Haji Kamaruzaman, tidak membenarkan kira-kira 800 ahli membayar yuran tahunan keahlian mereka.

### Pertemuan

Kira-kira 200 ahli cawangan itu juga tidak dibenarkan menghadiri mesyuarat agung cawangan Ahad lalu yang memilih Datuk Haji Kamaruzaman sebagai ketua bagi kesekian kalinya sejak 15 tahun lalu, tanpa bertanding.

Mereka juga membantah tindakan jawatankuasa Umno Cawangan Parit Empat, Sungai Burung kerana menolak yuran tahunan 93 ahlinya supaya mereka tidak boleh menghadiri mesyuarat agung cawangan itu 11 Januari ini.

Kumpulan itu yang datang dengan sembilan buah bas dan lapan buah kereta berhimpun di pekarangan kediaman Perdana Menteri sejak jam 11 pagi dengan diawasi oleh pasukan polis diketuai oleh Ketua Polis Bandaraya, Haji Zaman Khan.

Tujuh orang wakil mereka dan Setiausaha Perhubungan Umno Selangor, Encik Onn Haji Ismail menemui Perdana Menteri di pejabatnya petang ini.

Selepas pertemuan selama sejam yang tamat pukul 3.30 petang, Setiausaha Politik Perdana Menteri, Megat Junid Megat Ayub memberitahu perhimpunan itu, Datuk Seri Dr Mahathir telah mendengar segala pandangan dan rasa tidak puas hati wakil-wakil mereka.

Tetapi, kata Encik Megat Junid, Perdana Menteri berpendapat oleh kerana kedua-dua pihak yang terbabit itu ahli Umno adalah tidak wajar bagi beliau untuk memberi kata putus sebelum kajian teliti mengenai masalah-masalah itu dijalankan.

# Dr M arah siasat dakwaan ahli2 Umno

"Oleh itu Datuk Seri Dr Mahathir telah mengarahkan Badan Perhubungan Umno Selangor meneliti masalah-masalah mereka dan mengemukakan laporan mengenainya kepada Majlis Tertinggi Umno dalam masa satu minggu," kata Megat Junid.

Beliau meminta semua pihak memberi kerjasama bagi menyiapkan laporan itu demi kepentingan Umno dan keseluruhan ahli-ahlinya.

Seorang ahli Cawangan Pekan Tanjung Karang yang menyertai rombongan menemui Perdana Menteri, Encik Sidek Yusof memberitahu pemberita, tujuan perhimpunan itu adalah untuk menyatakan rasa tidak puas hati dengan perjalanan mesyuarat agung cawangan itu Ahad lalu.

Beliau berkata, seramai 800 ahli cawangan itu telah tidak dibenarkan membayar yuran tahunan dan kira-kira 200 lagi termasuk beliau sen-

diri tidak dibenarkan menghadiri mesyuarat agung yang dirasmikan oleh Datuk Haji Kamaruzaman.

"Sebagai ahli Umno, kami membayar yuran tahunan tetapi wang kami dikembalikan oleh pucuk pimpinan cawangan dengan alasan kehabisan resti.

"Di samping itu, kami juga tidak dibenarkan menghadiri mesyuarat agung itu," katanya.

● LIHAT muka 2 (ruangan satu)

# Yuran 93 ahli ditolak kerana resit habis

## ● DARI muka 1

Encik Sidek berkata, ahli-ahli Umno cawangan itu mahu mesyuarat agung Ahad lalu diisytiharkan sebagai tidak sah kerana bertentangan dengan Perlembagaan Umno.

Katanya, daripada 1,093 ahli cawangan itu hanya 200 sahaja yang hadir dan mengikut perlembagaan, sesuatu mesyuarat agung cawangan dikira tidak sah jika ia dihadiri oleh kurang daripada satu perempat bilangan ahlinya.

Beberapa orang ahli lain pula menyatakan, tindakan jawatankuasa cawangan itu adalah untuk memastikan tidak ada calon lain menentang Datuk Haji Kamaruzaman sebagai ketua cawangan.

Ahli jawatankuasa Umno Cawangan Parit Empat, Sungai Burung, Encik Osman Arshad pula mendakwa, yuran keahlian seramai 93 daripada 200 ahli cawangan itu telah ditolak oleh pucuk pimpinannya.

Mereka termasuk Encik Osman dan empat lagi ahli jawatankuasa cawangan. Ketua Pemuda dan Ketua Wanitanya tidak dibenarkan menghadiri mesyuarat agung cawangan Ahad ini.

"Saya sudah menjadi jawatankuasa cawangan selama tujuh tahun dan inilah pertama kali yuran keahlian saya ditolak dengan alasan kehabisan resit," ujarnya.

Ahli Parlimen Tanjung Karang, Datin Paduka Hajah Zaleha Ismail yang juga ahli Majlis Tertinggi Umno, ketika ditemui berkata, tindakan ahli-ahli Umno itu mengadakan perhimpunan adalah untuk menuntut hak mereka sebagai ahli mengikut Perlembagaan parti.

Beliau berpendapat, tindakan jawatankuasa cawangan menolak yuran daripada ahli adalah salah mengikut Perlembagaan Umno.

Katanya, Ibu Pejabat Umno telah mengeluarkan garis panduan mengenai mesyuarat agung tahun ini yang antara lain menyatakan bahawa yuran ahli tidak boleh ditolak tanpa alasan yang jelas.

Menurutnya, beliau diberitahu ada wang yuran ahli-ahli itu dikembalikan dan ada dikenakan syarat bahawa mereka mesti mengisi borang keahlian yang baru.

Beliau berharap masalah itu dapat diselesaikan dengan segera bagi faedah 16,000 ahli Umno Bahagian Tanjung Karang.